



Rujukan Kami : UPNM(NC)01.02/01 Jilid.9 (100)
Tarikh : 2 Oktober 2020

SEGERA

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Prof. Emeritus/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 5/2020 : ARAHAN PENTADBIRAN
UNTUK WARGA UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
(UPNM)**


Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama surat ini dilampirkan Arahan Pentadbiran Untuk Warga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia untuk perhatian dan tindakan Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Prof. Emeritus/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan selanjutnya. Mohon kerjasama agar arahan ini dapat diedarkan dan dimaklumkan untuk tindakan semua staf dan pelajar.
3. Kerjasama Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Prof. Emeritus/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai dan diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,


RAFIZUL BIN ROZLEE
Ketua Perolong Pendaftar
Pejabat Naib Canselor

s.k Yang Berbahagia Naib Canselor

SENARAI EDARAN

- 1) **YM Prof. Emeritus Dato' Dr. Tengku Mohd bin Tengku Sembok**
Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 2) **YBhg. Lt Kol Prof. Ts. Dr. Muhd Zu Azhan bin Yahya**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- 3) **YBhg. Brig Jen Prof. Ir Dr. Hj. Norazman bin Mohamad Nor (Bersara)**
Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 4) **YBhg. Prof. Dato' Dr. Jesbil Singh @ Jasbir Singh Sandhu**
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat)
- 5) **YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Ahmad Mujahid bin Ahmad Zaidi**
Penolong Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 6) **Brig Jen Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM**
Komandan, Akademi Latihan Ketenteraan
- 7) **Puan Sarina binti Abdul Rani**
Pendaftar
- 8) **Encik Mohd Hairay bin Md Yusof**
Bendahari
- 9) **Encik Mohammed Dzulkarnain bin Abdul Karim**
Ketua Pustakawan, Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim
- 10) **Lt Kol Ir. Shahrul bin Sahusi (Bersara)**
Pengarah, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
- 11) **Lt Kol Prof. Madya Ariffin bin Ismail (Bersara)**
Dekan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
- 12) **Kol Prof. Madya Dr. Khairol Amali bin Ahmad (Bersara)**
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
- 13) **Lt Kdr Ts. Dr. Mohd Norsyarizad bin Razali TLDM (Bersara)**
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
- 14) **YBhg. Brig Jen Prof. Datuk Dr. Hj. Adnan bin Hj. Abdullah**
Dekan, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan
- 15) **Prof. Madya Dr. Norhana binti Abdul Halim**
Pengarah, Pusat Asasi Pertahanan
- 16) **Prof. Madya Dr. Norshima binti Zainal Shah**
Pengarah, Pusat Bahasa
- 17) **Prof. Dr. Aidy bin Ali**
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

- 18) **Prof. Dr. Mohar bin Kassim**
Pengarah, Akademi Kecergasan Pertahanan
- 19) **Kol Sofian bin Kamaruddin (Bersara)**
Felo Kanan
Pengarah, Institut Pengajian Eksekutif UPNM (*NIEEd*)
- 20) **Prof. Dr. Abdul Ghapor bin Hussin**
Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik
- 21) **Dr. Mohd Rizal bin Mohd Isa**
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- 22) **Prof. Madya Dr. Azizi bin Miskon**
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
- 23) **Lt Kol (Ust) Dr. Hj. Daud bin Hj. Mohamed Salleh (Bersara)**
Pengarah, Pusat Islam
- 24) **Mejar Prof. Madya Ir. Dr. Razali bin Abidin (Bersara)**
Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan (*CODRAT*)
- 25) **Prof. Madya Dr. Dian Darina Indah binti Daruis**
Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Inovasi
- 26) **Prof. Madya Dr. Hj. Hasan Al-Banna bin Mohamed**
Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti dan Pengurusan Data
- 27) **Prof. Dr. Jowati binti Juhary**
Pengarah, Penerbit UPNM
- 28) **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hamzah bin Ahmad**
Pengarah, Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa (*CDISS*)
- 29) **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Md Zin bin Wan Yunus**
Pengarah, Pusat Pentropikalan (*Centre for Tropicalization*)
- 30) **Kapt Prof. Madya Ahmad Zaidi bin Sulaiman (Bersara)**
Pengarah, Pusat Pembangunan Pelajar
- 31) **Prof. Madya Mohd Hazali bin Mohamed Halip**
Pengarah, Pusat Keselamatan Siber (*Cyber Security*)
- 32) **Kol Jamal Rodzi bin Dahari (Bersara)**
Pengarah, Pusat Wilayah Undang-Undang Tentera dan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (*CoMIHL*)
- 33) **Ir. Fuad bin Abas**
Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan Bantuan Kemanusiaan dan Peredaan Bencana (*HADR*)
- 34) **Lt Kol Prof. Dr. Victor Feizal b Knight Victor Ernest @ Abd Shatar (Bersara)**
Pengarah, Pusat Penyelidikan Pertahanan Kimia (*CHEMDEF*)

- 35) **Prof. Madya Dr. Sayuti bin Ab Ghani**
Pengarah, Pusat Pengurusan Wakaf
- 36) **Kept Prof. Dr. Hj. Zulkifly bin Mat Radzi TLDM (Bersara)**
Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Kecemerlangan Maritim
- 37) **YBhg. Dato' Mohamad Akhtar bin Ahmad Zainudin**
Felo Utama
Pengarah, Pusat Program Akademik – Industri dan Antarabangsa
- 38) **Dr. Firdaus bin Baharuddin**
Ketua, Pusat Kesihatan UPNM
- 39) **Pn. Fazelah binti Mohamad**
Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
- 40) **En. Mohd Fadhzil bin Zainol**
Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik
- 41) **En. Zamsari bin Muhammad**
Timbalan Pendaftar, Pejabat TNC Penyelidikan dan Inovasi
- 42) **En. Hairul Azuan bin Abas**
Pegawai Keselamatan Kanan, Jabatan Pendaftar
- 43) **Mejar Mohammad Sani bin Desa (Bersara)**
Pengurus Kenderaan, Jabatan Pendaftar



ARAHAN PENTADBIRAN UPNM BIL. 5/2020

ARAHAN PENTADBIRAN UNTUK WARGA UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Rujuk:

- A. Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT): Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020 bertarikh 2 Oktober 2020.
- B. Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT): Penangguhan Kemasukan Pelajar (Baharu Dan Lama) Dari Kawasan Zon Merah COVID-19 Ke IPT bertarikh 27 September 2020.
- C. Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan: Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia bertarikh 26 September 2020.
- D. Prosedur Terkini Bagi Warganegara Malaysia Yang Ingin Keluar Negara dan Masuk Semula ke Malaysia oleh Jabatan Imigresen Malaysia bertarikh 10 September 2020.
- E. *Guidelines for The Entry of Expatriate/ Skilled Worker/ Knowledge Worker For Key Posts and Technical Posts, And For Dependants /Foreign Maids.*
- F. Perutusan YAB Perdana Menteri mengenai Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bertarikh 28 Ogos 2020.

AM

1. Rentetan dari perkembangan terkini situasi penularan wabak COVID-19 di Malaysia, urusan pentadbiran di dalam kampus bagi warga UPNM (staf dan pelajar) perlu dikoordinasi secara terancang bagi memastikan segala aspek diambil kira sebagai langkah pengurusan risiko.

TUJUAN

2. Tujuan arahan ini dikeluarkan adalah untuk memberi panduan dan mengkoordinasikan semua aspek pentadbiran dan urusan warga UPNM bagi memastikan

langkah-langkah pencegahan terus diperketat dan diambil serius untuk meminimumkan risiko jangkitan/penularan wabak COVID-19 di dalam komuniti UPNM.

3. Arahan ini juga menggariskan langkah penguat kuasa yang lebih rapi susulan dari situasi terkini kemunculan kluster-kluster jangkitan baharu yang dikesan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya yang mempunyai kaitan dengan perjalanan ke negeri Sabah dan juga Zon Merah.

4. Arahan ini dikuat kuasakan demi memastikan kebajikan dan kesejahteraan seluruh warga UPNM sentiasa terpelihara dan memastikan persekitaran kampus yang selamat.

PELAKSANAAN

5. Semua warga UPNM dikehendaki mematuhi arahan berikut:

a. **Arahan Kepada Pelajar**

(1) Selaras dengan **Rujuk A**, urusan pendaftaran dan kemasukan pelajar baharu dan lama secara bersemuka di kampus **ditangguhkan** sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Para pelajar dikehendaki untuk mendaftar secara dalam talian (online) dan meneruskan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian;

(2) Para pelajar program Asasi dan Diploma Sesi Akademik 2020/2021 **dibenarkan** balik untuk bercuti pertengahan semester **kecuali pelajar yang merancang untuk balik ke Sabah dan Zon Merah**. Para pelajar dikehendaki untuk membawa semua kelengkapan PdP (seperti komputer riba, buku-buku rujukan dan lain-lain) sebagai persediaan sekiranya diarahkan untuk meneruskan sesi PdP secara dalam talian. Penetapan tarikh kembali ke kampus akan dimaklumkan kelak.

b. **Arahan Kepada Staf**

(1) **Staf yang Baru Tiba dari Negeri Sabah**

(a) Staf yang baru tiba dari negeri Sabah dikehendaki untuk mematuhi arahan KKM (**Rujuk C**) yang mewajibkan aktiviti saringan dilakukan kepada individu yang baru tiba dari negeri Sabah **bermula 27 September 2020 hingga 10 Oktober 2020** di semua Pintu Masuk (Domestik dan Antarabangsa);

(b) Staf yang telah menjalani ujian saringan COVID-19 dan disahkan negatif oleh KKM **dikehendaki untuk tetap menjalani**

isolasi di rumah (home surveillance) dan dikehendaki untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) selama 14 hari dari tarikh ketibaan dari daerah berisiko tinggi. Dalam tempoh tersebut, staf **tidak dibenarkan** masuk ke kampus dan hendaklah memaklumkan kepada pihak UPNM (Ketua FPJB dan Pusat Kesihatan UPNM) untuk mendapatkan pengarahannya selanjutnya;

(2) **Staf yang Berasal dari Zon Merah/ Sedang Dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB)**

(a) Sebagai langkah kawalan risiko, semua staf yang berasal/mempunyai sejarah perjalanan dari kawasan yang dikategorikan sebagai **Zon Merah/sedang dalam PKPDB** (dari semasa ke semasa) hendaklah memaklumkan kepada pihak UPNM untuk mendapatkan arahan selanjutnya. Staf dalam kategori ini hendaklah mematuhi arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM yang berkuat kuasa. Staf **tidak dibenarkan** masuk ke kampus dan dikehendaki menjalani isolasi sendiri di rumah selama 14 hari dari tarikh ketibaan dari kawasan berisiko tinggi sebelum dibenarkan masuk ke kampus walaupun keputusan saringan COVID-19 adalah negatif. Sepanjang tempoh tersebut, staf dikehendaki untuk Bekerja Dari Rumah (BDR);

(b) Staf yang terlibat hendaklah mendapatkan surat arahan kuarantin yang dikeluarkan oleh KKM atau Pusat Kesihatan UPNM sebelum dibenarkan untuk mengambil cuti kuarantin/isolasi sendiri di rumah serta Bekerja Dari Rumah. Sebarang implikasi kos kuarantin/isolasi di rumah termasuk perjalanan, penginapan dan makanan selama tempoh 14 hari adalah atas tanggungan sendiri;

(c) Staf yang mempunyai pasangan/keluarga/rakan seisi rumah yang berasal/mempunyai sejarah perjalanan dari kawasan yang dikategorikan sebagai **Zon Merah/sedang dalam PKPDB** (dari semasa ke semasa) **dikehendaki** untuk memaklumkan kepada pihak UPNM. Sekiranya pasangan/keluarga/rakan seisi rumah telah diarahkan oleh KKM untuk menjalani saringan COVID-19, staf dikehendaki untuk Bekerja Dari Rumah selama tempoh pasangan/keluarga/rakan seisi rumah menjalani kuarantin/isolasi di rumah.

(3) **Perjalanan ke kawasan Zon Merah/Sedang Dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB)**

(a) Perjalanan (rasmi atau tidak rasmi) ke kawasan yang dikategorikan sebagai **Zon Merah/sedang dalam PKPDB** (dari semasa ke semasa) hendaklah **dilakkan dan ditangguhkan serta merta**;

(b) Dalam situasi perjalanan tersebut adalah mustahak/kecemasan dan tidak boleh ditangguhkan, staf hendaklah mematuhi arahan-arahan oleh pihak MKN dan KKM yang sedang berkuat kuasa. Ini termasuk mendapatkan kebenaran memasuki kawasan berkenaan dan sekiranya diarahkan untuk menjalani ujian saringan COVID-19 serta kuarantin/isolasi sendiri di rumah (home surveillance);

(c) Dalam hal ini, **pertimbangan dan kelulusan yang diberikan adalah tertakluk kepada Ketua FPJB** dengan mengambil kira keperluan keberadaan staf di dalam kampus agar tidak menjejaskan tugas rasmi/aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini terutamanya sekiranya mereka dikehendaki menjalani kuarantin/isolasi sendiri di rumah selama 14 hari. Oleh itu, staf **dikehendaki merancang perjalanan** dan sentiasa peka terhadap situasi semasa dan arahan-arahan yang dikeluarkan.

(4) **Perjalanan ke Luar Negara**

(a) Permohonan untuk melakukan perjalanan ke luar negara bagi staf dan pelajar (Warganegara dan Bukan Warganegara) adalah tertakluk kepada arahan berikut:

i. **Perjalanan Rasmi:**

aa. Perjalanan staf dan pelajar (Warganegara dan Bukan Warganegara) hendaklah mematuhi prosedur terkini (**Rujuk D dan E**), termasuk mendapatkan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum memulakan perjalanan bagi kategori-kategori yang telah disyaratkan;

bb. Penangguhan perjalanan ke luar negara (Warganegara dan Bukan Warganegara) untuk tujuan menghadiri urusan rasmi jangka pendek (termasuk persidangan/simposium/latihan/forum/mobiliti pelajar)

masih berkuat kuasa sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak;

cc. Bagi staf yang akan menyambung pengajian/program latihan jangka panjang, **pertimbangan dan kelulusan** hanya akan diberikan dengan syarat berikut:

(i) Permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar dan agensi penaja;

(ii) Pihak institusi tempat menyambung pengajian/program latihan jangka panjang bersedia untuk menerima kehadiran staf;

(iii) Mempunyai perlindungan insurans sama ada yang disediakan oleh UPNM atau pihak institusi tempat menyambung pengajian;

(iv) Lokasi institusi tempat menyambung pengajian/program latihan jangka panjang tidak termasuk dalam kategori negara yang disekat dari memasuki Malaysia (dari semasa ke semasa).

ii. **Perjalanan Tidak Rasmi**. Selaras dengan **Rujuk D dan E**, perjalanan staf dan pelajar (Warganegara dan Bukan Warganegara) ke luar negara untuk tujuan bercuti/melancong atau lawatan biasa ke atas ahli keluarga adalah **tidak dibenarkan**;

(5) Pertimbangan khusus boleh diberikan oleh pihak UPNM dalam situasi di mana perjalanan ke luar negara amat mustahak dan tidak boleh ditangguhkan. Ini terutamanya jika urusan perjalanan membabitkan kes kecemasan/kebajikan dengan syarat mendapat kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia.

(6) Walau apa pun arahan dan syarat yang dikenakan di atas, **pihak Universiti berhak untuk meluluskan atau tidak meluluskan permohonan** dengan sebab-sebab yang wajar demi keselamatan staf dan pelajar serta kesejahteraan warga kampus secara keseluruhannya.

6. Selaras dengan **Rujuk A** juga, pihak UPNM mengambil keputusan untuk **menangguhkan** semua program atau aktiviti yang melibatkan himpunan ramai di dalam kampus sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

NASIHAT KESIHATAN

7. Semua warga UPNM dinasihatkan untuk terus mengamalkan langkah penjagaan kesihatan dan keselamatan seperti yang disarankan oleh KKM seperti berikut:

a. Mengamalkan kebersihan diri yang baik serta mematuhi langkah-langkah kesihatan dan keselamatan seperti yang disarankan oleh pihak KKM dan WHO;

b. Mengelakkan **3S/3C** iaitu:

- (1) Elakkan kawasan yang sesak (**Crowded place**);
- (2) Elakkan kawasan yang sempit (**Confined space**); dan
- (3) Elakkan bersembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (**Close conversation**);

c. Mengamalkan **3W** iaitu:

- (1) Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**);
- (2) Memakai alat pelitup muka (facemask) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak MKN mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**); dan
- (3) Peka terhadap amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (**Warn**) seperti:

- (a) Elakkan bersalaman/bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
- (b) Amalkan etika batuk dan bersin;
- (c) Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- (d) Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung; dan
- (e) Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

d. Mengamalkan norma baharu seperti :

- (1) **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- (2) **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

- (3) **P** : Penjarakan fizikal (physical distancing) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.
- e. Peka dengan keadaan sekeliling:
- (1) Warga UPNM dinasihatkan untuk sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling demi memastikan keselamatan diri sendiri dan rakan sekerja/sepengajian. Ini termasuklah:
- (a) Mengelakkan diri daripada mengunjungi tempat-tempat tumpuan ramai atau didapati berisiko;
 - (b) Sentiasa memakai pelitup muka khususnya di kawasan tumpuan ramai di dalam atau luar kampus dan membawa cecair pembasmi kuman tangan (hand sanitizer);
 - (c) Sentiasa berwaspada terutamanya semasa melakukan perjalanan dengan menaiki kenderaan awam atau mengunjungi tempat awam.

PERINGATAN

8. Ketua-ketua FPJB diminta mengambil tindakan berkaitan dan memanjangkan arahan ini kepada semua staf dan pelajar di bawah seliaan masing-masing;
9. Semua warga UPNM **diwajibkan** mengisi Borang Deklarasi Kesihatan Harian Saringan Risiko COVID-19 melalui sistem MyHealth UPNM secara dalam talian pada setiap hari dan mengimbas kod QR di setiap pintu masuk FPJB di UPNM dengan menggunakan aplikasi MySejahtera dan UPNM Mobile;
10. Semua warga UPNM yang telah menjalani ujian saringan dan disahkan positif **hendaklah memaklumkan kepada pihak UPNM** (Pusat Kesihatan UPNM) dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh KKM;
11. Semua warga UPNM hendaklah sentiasa berwaspada dan peka dengan merujuk kepada arahan/garis panduan/nasihat yang dikeluarkan oleh KKM, KPT dan Kementerian-kementerian lain yang berkaitan dari semasa ke semasa;
12. Semua warga UPNM dimohon untuk memaklumkan dan menasihatkan pasangan/keluarga/rakan seisi rumah masing-masing untuk sentiasa peka terhadap potensi penularan wabak COVID-19 (terutamanya untuk tidak mengunjungi kawasan berisiko) dan mengambil langkah proaktif seperti yang disarankan dan dinasihatkan oleh pihak berwajib;
13. Semua warga UPNM sekali lagi diingatkan supaya tidak menyebarkan sebarang maklumat yang tidak diketahui kesahihannya melalui apa jua medium komunikasi sosial bagi mengelakkan situasi panik dan kegusaran warga Universiti khususnya serta masyarakat amnya;

14. Berikut adalah senarai nombor telefon yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan memerlukan maklumat lanjut:

- a. Bilik Gerakan COVID-19 UPNM : 0193523400
- b. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni : 0390513400 (sambungan 3021/3475/
3019/4656/7621067/7622072)
- c. Pusat Kesihatan UPNM : 0390514483
- d. Bahagian Pengurusan Akademik : 0390513400 (sambungan 3584/4602/
3407)
- f. Bahagian Keselamatan : 0390513400 (sambungan 4556)

15. Semua warga UPNM adalah diingatkan untuk memberi kerjasama dan mematuhi arahan-arahan yang dikuat kuasakan oleh UPNM. Diingatkan juga bahawa penyalahgunaan apa-apa klausa dalam Arahan Pentadbiran ini untuk tidak hadir ke kampus secara tidak wajar adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

16. Arahan Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan dan boleh diubah berdasarkan kepada arahan/garis panduan/nasihat berkaitan COVID-19 dan PdP yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, KKM, KPT, dan Kementerian-kementerian lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

DATUK HJ ABDUL HALIM BIN HJ JALAL
Leftenan Jeneral
Naib Canselor

Tarikh: 2 Oktober 2020

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI****KENYATAAN MEDIA****PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/BERSEMUKA PELAJAR IPT
KEMASUKAN OKTOBER 2020**

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan pandangan pelbagai pihak serta kebimbangan yang disuarakan oleh para pelajar, ibu bapa dan masyarakat dengan peningkatan kes COVID-19 yang berlaku hanya selang beberapa hari sahaja dari tarikh kemasukan pelajar baharu ke universiti.

KPT turut prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf universiti dan semua pihak yang terlibat.

Justeru, KPT mencadangkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu pendaftaran secara fizikal/bersemuka pelajar-pelajar baharu dan lama ke kampus. Semua urusan pendaftaran pelajar boleh dilaksanakan secara dalam talian, begitu juga aspek pengajaran dan pembelajaran sehingga pengumuman baharu mengenainya dibuat.

Keputusan menangguhkan pendaftaran secara fizikal/ bersemuka pelajar-pelajar yang terlibat perlu dibuat demi memelihara kesejahteraan dan keselamatan semua pihak.

Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing. Pihak IPT diminta membantu segala keperluan yang diperlukan oleh kumpulan pelajar ini.

Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT juga mencadangkan kepada semua IPT supaya menangguhkan semua program atau aktiviti yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

KPT juga telah mengambil langkah proaktif berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memohon mempertimbangkan penjadualan semula penerbangan pelajar-pelajar pulang ke kampus khususnya bagi mereka yang telah membeli tiket penerbangan pulang ke IPT masing-masing. Hasil rundingan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menjadualkan semula penerbangan pelajar sehingga 31 Disember 2020.

Keprihatinan dan kepekaan daripada semua pihak dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan pelajar dan masyarakat amat diperlukan dalam menghadapi situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 ini.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
2 Oktober 2020

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI****KENYATAAN MEDIA****PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR (BAHARU DAN LAMA) DARI KAWASAN ZON MERAH COVID-19 KE IPT**

Berikutan peningkatan kes COVID-19 di beberapa daerah di negara ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyarankan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dan lama dari kawasan zon merah secara bersemuka di kampus masing-masing, yang dijadualkan bermula Oktober ini.

Proses pendaftaran dan pembelajaran bagi kumpulan pelajar terbabit bolehlah dilakukan secara dalam talian. Para pelajar boleh pulang ke kampus masing-masing mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada setelah keadaan kembali pulih.

Bagi pelajar yang bukan dari kawasan zon merah, kemasukan ke IPT kekal mengikut kalendar akademik IPT masing-masing. Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT sekali lagi menegaskan bahawa semua IPT telah diarah untuk memastikan pelaksanaan aktiviti akademik di kampus mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan dan mengutamakan langkah-langkah keselamatan. Pada masa yang sama, kementerian ingin menasihatkan pelajar supaya terus mengambil langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.

DATO' DR. NORAINI AHMAD
Menteri Pengajian Tinggi

27 September 2020



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019
(COVID-19) DI MALAYSIA
26 SEPTEMBER 2020**

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **89 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **9,785 kes** (90.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 26 September 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **82 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **10,769 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 851 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 82 kes baharu yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan dua (2) warganegara dan satu (1) bukan warganegara dari negara:

- **Yaman: Satu (1)** kes dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan warganegara.

- **Bangladesh: Satu (1)** kes dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan warganegara.
- **Filipina: Satu (1)** kes dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan bukan warganegara.

Daripada 79 kes **penularan di dalam negara**, 53 kes adalah **warganegara Malaysia** dan 26 kes adalah **bukan warganegara**. Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 64 kes**
 - 33 kes daripada Kluster Benteng LD yang melibatkan 11 kes warganegara dan 22 kes bukan warganegara;
 - 25 kes daripada Kluster Bangau-Bangau yang melibatkan 24 kes warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara;
 - Tiga (3) kes saringan bergejala yang melibatkan warganegara.
 - Satu (1) kes saringan petugas kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) pulang dari Semenanjung yang melibatkan warganegara;
 - Satu (1) kes *Influenza-Like Illness* (ILI) di Klinik Kesihatan Tawau yang melibatkan warganegara; dan
 - Satu (1) saringan kemasukan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas yang melibatkan bukan warganegara.
- **Negeri Sembilan: Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara.
 - Satu (1) kes saringan ke luar negara yang melibatkan bukan warganegara.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tiga (3)** kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang kesemuanya melibatkan warganegara.

- **Selangor: Dua (2)** kes
 - Satu (1) kes saringan kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara.
 - Satu (1) saringan tahanan yang melibatkan bukan warganegara.

- **Terengganu: Dua (2)** kes saringan kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara.

- **Pahang: Satu (1)**
 - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara.

- **Melaka: Satu (1)** kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara.

- **Johor: Satu (1)** kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) yang melibatkan warganegara.

- **Sarawak: Satu (1)** kes saringan petugas kesihatan yang melibatkan warganegara.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1)** kes saringan petugas kesihatan yang melibatkan warganegara.

Sehingga kini, terdapat **lapan (8)** kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana empat (4) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **133 kes** (1.24 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI BAGI KLUSTER BANGAU-BANGAU DAN KLUSTER BENTENG LD DI SABAH

1) Kluster Benteng LD

Terdapat **33 kes baharu** yang dilaporkan bagi Kluster Benteng LD pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak **776 kes**. Sehingga 26 September 2020 jam 12:00 tengah hari, sejumlah 10,775 individu telah disaring dalam kluster ini. Pecahan jumlah saringan mengikut daerah adalah seperti berikut:

- Tawau (8,195 individu disaring);
 - 609 kes dikesan positif COVID-19 (**33 kes baharu**);
 - 6,136 individu negatif; dan
 - 1,450 individu menunggu keputusan.

- Lahad Datu (2,574 individu disaring):
 - 164 kes dikesan positif COVID-19;
 - 1,901 individu negatif; dan
 - 509 individu menunggu keputusan.

- Kinabatangan (5 individu disaring):
 - Dua (2) kes dikesan positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) individu negatif.
- Sandakan - Satu (1) kes dikesan positif COVID-19, tiada saringan dan pertambahan kes baharu.

Berdasarkan keseluruhan saringan bagi kluster ini, pecahan saringan melibatkan:

- 1,772 orang banduan dan tahanan di mana 652 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,160 orang kakitangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu dan Penjara Tawau di mana 24 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,394 orang kontak ahli keluarga kakitangan dan banduan di mana 27 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,535 orang pegawai agensi kerajaan lain, tiada kes dikesan positif COVID-19; dan
- 4,914 kontak sosial di mana 73 kes dikesan positif COVID-19.

Daripada jumlah 776 kes positif COVID-19, 439 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia manakala 337 kes adalah bukan warganegara yang melibatkan negara:

- Filipina (214 kes);
- Indonesia (122 kes); dan
- Timor-Leste (1 kes)

Ingin dimaklumkan bahawa jumlah kes akan sentiasa dikemaskini dan kategori bagi kes positif mungkin akan berubah bergantung kepada maklumat terkini hasil siasatan di lapangan.

2) Kluster Bangau-Bangau

Terdapat **25 kes baharu** yang dilaporkan bagi Kluster Bangau-Bangau pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak **159 kes**. Sehingga 26 September 2020 jam 12 tengah hari, sejumlah 351 individu telah disaring dalam kluster ini. Pecahan jumlah saringan adalah seperti berikut:

- 159 kes dikesan positif COVID-19 (**25 kes baharu**);
- 37 individu dikesan negatif COVID-19; dan
- 155 individu masih menunggu keputusan.

Daripada jumlah 159 kes positif COVID-19, 114 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia manakala 45 adalah warganegara Filipina.

Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) bagi kluster-kluster ini masih diteruskan dan status terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENULARAN JANGKITAN COVID-19 KE ATAS INDIVIDU PULANG DARI NEGERI SABAH

Seperti yang dilaporkan dalam Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 25 September 2020, terdapat **10 kes** yang dikesan positif COVID-19 (**setelah kembali dari Sabah** pada 20 hingga 25 September 2020). Pada hari ini pula, dikesan **terdapat 11 lagi kes** positif COVID-19 yang dikesan di Semenanjung Malaysia setelah kembali dari negeri Sabah. Peningkatan kes dan kluster COVID-19 di Negeri Sabah masih berterusan dan 4 daerah telah dikenalpasti sebagai zon merah (setelah merekodkan bilangan kes COVID-19 melebihi 40 kes dalam tempoh 14 hari kebelakangan).

Mengambilkira situasi semasa ini, terdapat keperluan untuk melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan COVID-19 ke atas

individu dengan sejarah perjalanan dari Sabah bagi memantau risiko penularan jangkitan dalam kalangan individu-individu tersebut. Oleh itu, bermula 27 September 2020 sehingga 10 Oktober 2020, aktiviti saringan akan dijalankan kepada semua individu yang baru tiba dari Sabah di Pintu Masuk Antarabangsa.

Mereka **diwajibkan**:

- i. Memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera dan daftar masuk (*check-in*) menggunakan aplikasi ini setibanya di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara;
- ii. Menjalani saringan gejala jangkitan saluran pernafasan dan **ujian saringan pengesanan COVID-19** seurus tiba di PMA;
- iii. Menjalani **perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO)**. Kesemua individu di PMA akan diberi surat HSO, dan dipakaikan gelang kuarantin. Tarikh HSO akan bermula dari tarikh ketibaan di PMA sehingga keputusan makmal diperolehi. Pelepasan HSO akan diberikan sekiranya keputusan ujian makmal menunjukkan negatif COVID-19;
- iv. Sekiranya terdapati individu yang perlu meneruskan perjalanan ke rumah masing-masing dengan menaiki kenderaan awam seperti teksi dan kereta *Grab*, surat kebenaran untuk ke alamat yang ditetapkan akan diberikan pada hari tersebut; dan
- v. Sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pulang, individu tersebut perlu menjalani saringan ulangan bagi COVID-19.

Saringan ke atas individu (warganegara dan bukan warganegara) yang pulang dari Sabah ini dikecualikan daripada caj ujian COVID-19.

Tempoh pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan COVID-19 ke atas individu yang baru pulang dari **Sabah akan disemak dari semasa ke semasa**, berdasarkan penilaian risiko penularan jangkitan pada masa tersebut dan maklumat mengenai sebarang perubahan berkaitannya akan dimaklumkan kepada umum.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

26 September 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 26 SEPTEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
W.P. KUALA LUMPUR	6 (3)	2,658
SELANGOR	2	2,224
SABAH	64	1,547
NEGERI SEMBILAN	3	1,047
JOHOR	1	755
SARAWAK	1	704
PAHANG	1	373
KEDAH	0	352
PERAK	0	269
MELAKA	1	263
KELANTAN	0	161
PULAU PINANG	0	142
TERENGGANU	2	116
W.P. PUTRAJAYA	0	99
PERLIS	0	33
W.P. LABUAN	1	26
JUMLAH KESELURUHAN	82 (3)	10,769

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

PROSEDUR TERKINI BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN KELUAR NEGARA DAN MASUK SEMULA KE MALAYSIA

10 SEPTEMBER 2020

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) banyak menerima permohonan untuk keluar Negara dan permohonan masuk semula ke Malaysia bagi kalangan warganegara Malaysia. Sebelum ini, JIM telah mengeluarkan surat prosedur bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar negara bagi tujuan menyambung pelajaran dan bekerja bertarikh 23 Jun 2020 berkaitan perkara ini yang masih berkuat kuasa. Sehubungan itu, sebagai tambahan Jabatan ini telah membuat ketetapan berkenaan prosedur terkini bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar negara dan masuk semula ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti berikut:

- **Prosedur Keluar Negara**
 - i) **Kategori yang TIDAK PERLU memohon kelulusan dari JIM:**
 - Diplomat dan Tanggungan yang ingin bertugas di luar negara.
 - Pelajar (menyambung pengajian dan baru mendapat tawaran belajar).
 - Pelajar yang ingin mengambil peperiksaan.
